



Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari Kementerian Kesihatan Malaysia

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) WARGA ASING

PENGENALAN

Syarikat yang ingin menggaji pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) warga asing untuk memberi perkhidmatan di Malaysia perlu terlebih dahulu memohon kepada Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk membuat penyaringan kelayakan sebelum memohon pas pengajian untuk pengamal tersebut dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Permohonan ke BPTK harus memenuhi semua syarat yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, kelulusan kemasukan pengamal PT&K warga asing ke Malaysia adalah di bawah bidang kuasa JIM dan bukan KKM.

OBJEKTIF

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan kriteria dan proses yang terlibat dalam permohonan penyaringan kelayakan pengamal PT&K warga asing.

1.0 SYARAT-SYARAT BAGI SYARIKAT YANG MEMOHON

- 1.1 Syarikat yang memohon harus:
 - a. merupakan sebuah syarikat yang berkaitan dengan amalan PT&K (mempunyai objektif penubuhan syarikat yang berkaitan dengan amalan PT&K).
 - b. berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM www.ssm.com.my). Walau bagaimanapun, keperluan bagi penubuhan syarikat tertakluk kepada perundangan negeri masing-masing.
 - c. mengemukakan salinan lesen perniagaan semasa yang masih sah daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi premis untuk memberikan perkhidmatan PT&K. Perkhidmatan PT&K secara bebas (*freelance*) adalah tidak dibenarkan.

2.0 SYARAT-SYARAT BAGI PENGIKLANAN JAWATAN

- 2.1 Syarikat harus membuktikan usaha syarikat dalam pengambilan pengamal PT&K warga tempatan terlebih dahulu sebelum membuka peluang kepada pengamal PT&K warga asing dengan mengiklankan jawatan pengamal PT&K dalam akhbar tempatan.
- 2.2 Iklan jawatan yang diterbitkan harus memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a. Jawatan diiklankan sekurang-kurangnya tiga (3) kali;
 - b. Selangan setiap iklan jawatan adalah sekurang-kurangnya lima (5) hari;
 - c. Kesemua iklan jawatan diiklankan dalam akhbar-akhbar utama tempatan;
 - d. Salah satu (1) iklan jawatan diiklankan dalam akhbar tempatan Bahasa Malaysia;
 - e. Iklan jawatan yang dikemukakan menunjukkan dengan jelas tarikh dan nama akhbar.
- 2.3 Iklan jawatan yang diterbitkan harus menyatakan dengan jelas (contoh seperti di **Lampiran A**):
 - a. Nama, alamat dan nombor telefon syarikat pengiklan;
 - b. Nama jawatan yang dipohon, bidang amalan dan bilangan pengamal yang diperlukan;
 - c. Tarikh tutup permohonan jawatan (sekurang-kurangnya satu minggu daripada tarikh iklan jawatan).



Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari Kementerian Kesihatan Malaysia

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) WARGA ASING

- 2.4 Syarikat hanya boleh mengemukakan permohonan kepada BPTK selepas tarikh tutup iklan jawatan yang terakhir.
- 2.5 Setiap permohonan baru hendaklah disertakan bersama-sama dengan 3 iklan jawatan yang sah.
- 2.6 Tempoh sahlaku setiap iklan jawatan adalah enam (6) bulan dari tarikh iklan diterbitkan.
- 2.7 Syarat pengiklanan jawatan adalah dikecualikan bagi:
 - a. Pengamal warga asing yang telah berkahwin dengan warganegara Malaysia; dan
 - b. Permohonan pembaharuan untuk pengamal yang sama dari syarikat yang sama.

3.0 SYARAT-SYARAT BAGI PENGAMAL

- 3.1 Kelayakan akademik:
 - a. Pengamal harus mengemukakan bukti kelayakan asas dalam bidang amalan yang diiktiraf seperti senarai di **Lampiran B**;
 - b. Kelayakan asas yang diperolehi melalui pengajian sendiri, pengajian jarak jauh, pengajian secara *correspondence* atau pengajian secara separa masa tidak akan diterima;
 - c. Untuk permohonan baru, salinan sijil kelayakan yang dikemukakan harus terlebih dahulu disahkan benar oleh pihak berkuasa yang berkaitan dari negara yang mengeluarkan sijil;
 - d. Jawatan yang dipohon harus bersesuaian dengan kelayakan yang dimiliki.
- 3.2 Pengamal yang ingin memohon jawatan di mana kelayakan asas yang diwajibkan adalah **Ijazah Sarjana Muda** akan digelar sebagai **pengamal**. Mereka harus:
 - a. Mengemukakan sijil pendaftaran/ sijil amalan (tertakluk kepada peraturan negara yang berkaitan) dari negara yang beliau mengamal sebelum ini;
 - b. Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman bekerja dalam bidang amalan yang dipohon diambil kira dari tarikh sijil kelayakan atau tarikh sijil pendaftaran/ sijil amalan, mana-mana yang kemudian;
 - c. Berumur sekurang-kurangnya 27 tahun semasa mengemukakan permohonan.
- 3.3 Pengamal yang ingin memohon jawatan di mana kelayakan asas yang diwajibkan adalah **Diploma atau Sijil** akan digelar sebagai **pembantu pengamal**. Mereka harus:
 - a. Memberikan perkhidmatan di bawah seliaan seorang pengamal PT&K yang sah;
 - b. Mengemukakan salinan transkrip pengajian untuk kelayakan asas yang dikemukakan;
 - c. Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja dalam bidang amalan yang berkenaan selepas sijil kelayakan diperolehi;
 - d. Berumur sekurang-kurangnya 23 tahun.
- 3.4 Syarat-syarat lain:
 - a. Pengamal harus mengemukakan permohonan melalui syarikat tempatan (permohonan secara individu akan ditolak);
 - b. Pengamal hanya dibenarkan untuk bekerja dengan satu syarikat sahaja pada suatu masa.



Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari Kementerian Kesihatan Malaysia

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) WARGA ASING

4.0 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

- 4.1 Permohonan pembaharuan harus dihantar kepada BPTK sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh luput pas pengajian.
- 4.2 Syarat pengiklanan jawatan adalah dikecualikan.
- 4.3 Keperluan perakuan sah salinan sijil oleh negara yang mengeluarkan sijil turut dikecualikan.

5.0 PROSES PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan harus dihantar secara serahan tangan atau melalui pos kepada pejabat BPTK (alamat seperti di muka surat 4) dengan dokumen-dokumen lengkap seperti yang dinyatakan dalam Senarai Semak Permohonan Pengamal PT&K Warga Asing.
- 5.2 Permohonan untuk setiap pengamal akan dikenakan bayaran pemprosesan berjumlah Ringgit Malaysia dua ratus (RM200). Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan boleh dibuat secara:
 - a. Tunai (hanya diterima sekiranya permohonan dihantar secara serahan tangan ke pejabat BPTK daripada wakil syarikat); atau Dibayar kepada **Pengarah Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari** melalui:
 - b. Cek; atau
 - c. Wang pos/ kiriman wang; atau
 - d. Draf bank.
- 5.3 Hanya permohonan yang lengkap akan diterima dan diproses.
- 5.4 Tiada pindaan dibenarkan selepas permohonan dihantar.
- 5.5 Syarikat yang memohon bertanggungjawab mengemukakan penjelasan atau dokumen tambahan selepas penerimaan permohonan sekiranya diperlukan. Permohonan akan **dibatalkan** sekiranya syarikat gagal memberi maklum balas yang diperlukan dalam masa satu (1) bulan.
- 5.6 BPTK berhak untuk menolak sesuatu permohonan sekiranya terdapat keraguan terhadap kesahihan dokumen sokongan yang dikemukakan.

6.0 KEPUTUSAN PERMOHONAN

- 6.1 Keputusan permohonan akan dihantar kepada:
 - a. Syarikat yang memohon;
 - b. Bahagian Khidmat Ekspatriat, Jabatan Imigresen Malaysia;
 - c. *Malaysia Expatriate Talent Service Centre* (MYXpats Centre);
 - d. Pejabat cawangan PT&K yang berkenaan.
- 6.2 Tempoh kelulusan untuk setiap permohonan adalah untuk dua puluh empat (24) bulan. Walau bagaimanapun, tempoh kelulusan itu boleh dikurangkan tertakluk kepada keputusan BPTK.



Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari Kementerian Kesihatan Malaysia

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) WARGA ASING

- 6.3 Tempoh sah laku setiap surat maklum balas keputusan permohonan penyingiran adalah enam (6) bulan dari tarikh surat dikeluarkan

7.0 PROSES RAYUAN

- 7.1 Untuk permohonan yang ditolak oleh BPTK, syarikat berkenaan boleh mengemukakan rayuan kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia melalui BPTK dalam masa TIGA PULUH (30) hari dari tarikh surat keputusan permohonan dikeluarkan.
- 7.2 Rayuan untuk permohonan yang ditolak kerana sebab-sebab berikut tidak akan diproses:
- Kelayakan asas pengamal tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam garis panduan;
 - Pemalsuan dokumen;
 - Syarikat yang mewakili pengamal telah disenaraihitamkan oleh BPTK, KKM, JIM atau kementerian-kementerian lain;
 - Pengamal yang berkenaan telah disenaraihitamkan oleh negara asal, BPTK, KKM, JIM atau kementerian-kementerian lain.
- 7.3 Rayuan hanya boleh dikemukakan SEKALI sahaja.
- 7.4 Keputusan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia adalah muktamad.

8.0 TERMA DAN SYARAT KELULUSAN

- 8.1 Syarikat yang memohon dan pengamal PT&K harus:
- Menjalankan perkhidmatan seperti mana yang telah dipersetujui;
 - Mematuhi syarat dan peraturan amalan seperti yang terdapat di dalam kod-kod etika bagi amalan PT&K dan lain-lain peraturan yang berkaitan.
 - Mematuhi Akta PT&K 2016; Akta Perubatan 1971; subseksyen 5(33), Akta Ubat (Iklan Jawatan dan Jualan) 1956 serta akta-akta lain yang berkaitan.
- 8.2 Surat maklum balas akan dibatalkan serta merta sekiranya syarikat yang memohon atau pengamal yang berkaitan didapati melakukan mana-mana kesalahan atau melanggar mana-mana perundangan yang berkaitan di Malaysia.

Garis panduan ini tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa dan tanpa sebarang notis awal

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Unit Pendaftaran
Sekretariat Majlis PT&K
Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
Kementerian Kesihatan Malaysia
Blok E, Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur
Tel : +603-2279 8100 (Ext: 637/325)
Faks : +603-2691 1259
Laman web : <http://tcm.moh.gov.my>

FORMAT BAGI PENGIKLANAN JAWATAN

Bil	Format	Contoh
1.	<p style="text-align: center;">Jawatan Kosong</p> <p style="text-align: center;">Jawatan Pengamal (Bidang Amalan)</p> <p style="text-align: center;">Bilangan Pengamal Yang Diperlukan</p> <p style="text-align: center;">Sila Hubungi: <u>Encik / Puan / Cik XXX</u> <u>Nama Syarikat</u> <u>Alamat Syarikat</u> <u>Nombor Telefon Syarikat</u></p> <p style="text-align: center;">Tarikh Tutup Permohonan <u>Satu minggu selepas tarikh penerbitan</u> <u>iklan jawatan</u></p>	<p style="text-align: center;">Jawatan Kosong</p> <p style="text-align: center;">Pembantu Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari (Ayurveda)</p> <p style="text-align: center;">Dua (2) Orang Yang Diperlukan</p> <p style="text-align: center;">Sila Hubungi: Encik Ali atau Puan Hamidah Pusat Urut Tradisional Melayu XXX No 2, Jalan XXX, Taman XXX, 51000 KL 03-32132132</p> <p style="text-align: center;">Tarikh Tutup Permohonan: 12 Mac 2016</p>
2.	<p style="text-align: center;">Jobs Vacant</p> <p style="text-align: center;">Position of Practitioner (Practice Area)</p> <p style="text-align: center;">Number Of Practitioners Required</p> <p style="text-align: center;">Please Contact: <u>Mr / Miss XXX</u> <u>Address Of The Company</u> <u>Contact Numbers Of The Company</u></p> <p style="text-align: center;">Closing Date for Application <u>One week after the date of advertisement</u></p>	<p style="text-align: center;">Jobs Vacant</p> <p style="text-align: center;">Traditional & Complementary Medicine Practitioner (Ayurvedic Physician)</p> <p style="text-align: center;">Three (3) Practitioners Are Required</p> <p style="text-align: center;">Please Contact: Mr Siva or Miss Farah XXX Ayurvedic Centre No 2, Jalan XXX, Taman XXX, 51000 KL 03-32132132</p> <p style="text-align: center;">Closing Date for Application: 12 March 2016</p>

Nota:

Format dan Saiz Iklan jawatan di atas adalah sebagai rujukan sahaja.

KELAYAKAN ASAS YANG DIPERLUKAN

Bil	Bidang Amalan	Jenis Pengamal	Kelayakan Asas
1.	Perubatan Tradisional Cina	Pengamal PT&K (Perubatan Cina)	Ijazah Sarjana Muda Perubatan Tradisional Cina atau setaraf
2.		Pengamal PT&K (Akupunktur)	Ijazah Sarjana Muda Perubatan Tradisional Cina atau Ijazah Sarjana Muda Akupunktur & Moksibusi atau setaraf
3.	Perubatan Tradisional India	Pengamal PT&K (Ayurveda)	Ijazah Sarjana Muda dalam Perubatan Ayurveda atau setaraf
4.		Pengamal PT&K (Siddha)	Ijazah Sarjana Muda dalam Perubatan Siddha atau setaraf
5.		Pengamal PT&K (Unani)	Ijazah Sarjana Muda dalam Perubatan Unani atau setaraf
6.		Pengamal PT&K (Naturopati dan Yoga)	Ijazah Sarjana Muda dalam Naturopati dan Yoga atau setaraf
7.		Pembantu Pengamal PT&K (Ayurveda, Siddha, Unani, Naturopati dan Yoga)	Diploma atau sijil dalam bidang yang berkenaan <ul style="list-style-type: none"> - Kelulusan agregat/ purata gred B dan ke atas; dan - Tempoh latihan minimum: 1000 jam sepanjang tempoh sekurang-kurangnya 1 tahun
8.	Perubatan Homeopati	Pengamal PT&K (Homeopati)	Ijazah Sarjana Muda dalam Homeopati atau setaraf
9.	Kiropraktik	Pengamal PT&K (Kiropraktik)	Ijazah Sarjana Muda dalam Kiropraktik atau setaraf
10.	Osteopati	Pengamal PT&K (Osteopati)	Ijazah Sarjana Muda dalam Osteopati atau setaraf